



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[SHARIAH RESEARCH IN THE FRAMEWORK OF GLOBALIZATION:  
AN OVERVIEW]**

**PENYELIDIKAN SYARIAH DALAM KERANGKA GLOBALISASI:  
SATU TINJAUAN**

ALIAS AZHAR<sup>1</sup>  
MOHAMMAD AZAM HUSSAIN<sup>1\*</sup>  
MOHD ZAKHIRI MD. NOR<sup>1</sup>  
MOHAMAD KHAIRI OTHMAN<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Undang-undang, Kolej Undang-Undang, Kerajaan & Pengajian Antarabangsa (UUMCOLGIS)

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Kolej Sastera dan Sains (UUMCAS)

\*Corresponding author: [zakhiri@uum.edu.my](mailto:zakhiri@uum.edu.my)

Received Date: 9 April 2018 • Accepted Date: 9 Sept 2018

**Abstract**

*The community's demand for answer of hukm increasingly unique and diverse as a direct impact from the realities of life without boundaries specifically refer to globalization. As a result, a number of new issues of hukm have not been discussed in detail by classical Muslim scholars before. This dynamism of science and technology affects the change of hukm and the accuracy of the hukm and encourages more effective research. To form the foundation of the concept and the theory of this study, reference has been made to literary materials in library savings, important and official documents such as minutes of meetings, research reports, statistics, official documents of the Department of Islamic Development Malaysia and Mufti departments. Additionally, data was also obtained through face-to-face interviews and full participation observations in a meeting of a Sharia Technical Committee (fatwa). Additionally, data was also obtained through face-to-face interviews and full participation observations in a meeting of a Sharia Technical Committee (fatwa). The conclusion, the global and flexible nature of Sharia research can be seen the three factors in the Sharia research itself which simultaneously mutually reinforcing each other. Those three elements, the Idealisme of Islam is absolute and universal, the reality of society always changing and varied and the evolution of understanding and thinking of Muslim scholars. Sharia researchers need to be sensitive to changes in human life and their environment, especially socio-cultural change and thought was effect by globalization.*

Keywords: *Sharia Research, Globalization, Contemporary Fiqh*

**Abstrak**

Tuntutan masyarakat terhadap jawapan hukum semakin unik dan pelbagai kesan langsung daripada realiti kehidupan tanpa sempadan merujuk khusus kepada globalisasi. Hasilnya, lahir

beberapa isu hukum baru yang dahulunya tidak dibincangkan secara terperinci oleh sarjana hukum Islam klasik. Dinamisme sains dan teknologi ini memberi kesan terhadap perubahan hukum Islam dan ketepatan hukum serta mendorong penyelidikan yang lebih efektif. Bagi membentuk landasan konsep dan teori kajian ini, maka rujukan telah dibuat terhadap bahan-bahan literatur dalam simpanan perpustakaan, dokumen penting dan rasmi seperti minit mesyuarat, laporan penyelidikan, statistik, dokumen rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan jabatan-jabatan Mufti. Di samping, data turut diperolehi melalui temu bual secara bersemuka dan observasi penyertaan penuh dalam mesyuarat jawatankuasa teknikal syariah (fatwa). Kesimpulannya sifat global dan fleksibel dalam penyelidikan syariah dapat dilihat pada ketiga-tiga faktor dalam penyelidikan Syariah itu sendiri yang secara serentak saling memperkukuhkan antara satu sama lain. Ketiga-tiga unsur tersebut ialah idealisme Islam yang mutlak dan universal, realiti masyarakat yang sentiasa berubah dan berbeza-beza dan seterusnya kefahaman serta pemikiran fuqaha yang juga berevolusi. Para penyelidik Syariah perlu sensitif terhadap perubahan hidup manusia dan persekitarannya terutama perubahan sosio budaya dan pemikiran yang berlaku akibat globalisasi.

**Kata kunci:** Penyelidikan Syariah, Globalisasi, Fiqh Kontemporari.

**Cite as:** Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Mohd Zakhiri Md. Nor & Mohamad Khairi Othman. 2018. Penyelidikan Syariah dalam Kerangka Globalisasi: Satu Tinjauan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 19(1): 131-143

## PENGENALAN

Prinsip universalisme Islam telah ditegaskan oleh al-Quran sendiri apabila Allah SWT menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w. diutus untuk semua umat manusia (al-Quran, al-Anbiya'.107). Begitu pun dalam ayat yang sama ada isyarat yang menunjukkan bahawa setiap bangsa dan masyarakat itu ada identiti sendiri. Melalui identiti inilah mereka dikenali dan boleh dibezakan antara satu sama lain (lita`arafu) (al-Quran, al-Hujurat,131). Ini bererti apa yang disebut sebagai universal atau global itu ialah suatu istilah besar yang tidak menolak adanya beberapa kelainan tertentu yang perlu diambil kira dalam menentukan hukum penyelidikan Syariah bagi setiap bangsa dan masyarakat.

Berkaitan dengan inilah fuqaha berpendapat kebiasaan dan budaya masyarakat (al-`urf Wa al-`adat) perlu diambil kira dalam menentukan hukum penyelidikan Syariah (Md. Salleh,2000). Contoh pengambil kiraan berkenaan telah kita sebutkan di atas di mana salah satu daripada asas perbezaan antara aliran Hijaz dan aliran Iraq dalam fiqh klasik Islam ialah kebiasaan dan budaya hidup masing-masing tempat. Begitulah juga apabila Imam al-Syafi'i memutuskan untuk merubah sebahagian daripada pendirian beliau tentang hukum sewaktu berada di Mesir memandangkan adanya perbezaan kebiasaan dan budaya masyarakat di situ berbanding dengan apa yang ada di Iraq di mana dia berada sebelum itu.

Universalisme Islam merupakan faktor paling utama wujudnya sifat global dalam penyelidikan Syariah. Ianya bererti bahawa hukum Islam yang terhasil melalui penyelidikan Syariah itu bukan untuk masyarakat atau bangsa yang tertentu sahaja, tetapi sebaliknya untuk semua bangsa dan masyarakat di dunia ini.

## PENYELIDIKAN SYARIAH: KONSEP DAN PERKEMBANGAN

Penyelidikan bertujuan mendapatkan kebenaran yang mempunyai logik mengenai sesuatu fenomena, tetapi ia tidak bererti bahawa kebenaran yang didapati itu merupakan kebenaran yang muktamad (Mohd Sheffie,1995). Fakta-fakta baru atau yang tidak diperoleh semasa penyelidikan dijalankan mungkin akan timbul dan ini akan mengubah keputusan penyelidikan dan pengetahuan akan sentiasa berubah.

Syariah dalam bahasa Arab bererti aliran dan jalan yang lurus, manakala penggunaan biasanya ialah sumber air minuman atau pembawaan yang jelas (Firuzabadi,2003). Pengertian-pengertian ini tidak terhad penggunaannya dalam bahasa Arab tetapi turut digunakan dalam al-Quran (al-Jaathiyah,18). Sebagai istilah keagamaan, syariah bererti keseluruhan isi kandungan dalam ajaran Islam (al-Jarjani,1992). Dalam konteks ini ia sinonim dengan penggunaan bahasa al-Din dan Millah, yang diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia sebagai agama (Abd. Karim Zaydan,1996).

Syariah merangkumi secara keseluruhan yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia melalui RasulNya nabi Muhammad s.a.w. berbentuk al-Quran atau al-Sunnah. Isi kandungannya ialah segala aspek pengajaran dan pendidikan serta pembentukan sistem kehidupan manusia sejagat berkaitan akidah, akhlak, tasawuf, ibadat dan segala peraturan lain mengenai halal dan haram perbuatan manusia.

Penyelidikan Syariah yang bersifat dinamis, instrumennya turut berkembang pesat dari masa ke suatu masa mengikut perkembangan dan peredaran serta keperluan masyarakat dan bidang penyelidikan Syariah itu sendiri. Sejarah perkembangan penyelidikan Syariah pada peringkat awalnya adalah berorientasikan al-Quran menjurus aspek memahami pengajarannya sebagai panduan hidup di dunia dan akhirat (Jurji Zaydan,1967). Kemudian berkembang kepada aspek penelitian kepada hadis-hadis Rasulullah s.a.w. sebagai pentafsiran dan penjelasan yang jitu kepada ayat-ayat yang tidak dapat difahami secara langsung daripada al-Quran atau pemahaman yang berbeza di antara seseorang penganalisis atau pengkaji dengan yang lain.

Pengumpulan Sunnah Rasulullah telah menimbulkan gejala baru dalam sistem penyelidikan Syariah. Antaranya ialah perbezaan para periwayat dalam proses periwayatan hadis bagi mengatasi masalah ini, satu cabang ilmu telah diwujudkan, iaitu mengenai para perawi bagi menentukan hadis yang sahih dan yang sebaliknya (Fauzi Deraman,2000).

Penelitian isi kandungan al-Quran dan al-Sunnah memerlukan kefahaman yang mendalam, kritis, kreatif, semasa dan realistik (Abbas,t.th). Kesenambungan daripada itu lahir ilmu Tafsir. Kemudian, disebabkan wujud perbezaan riwayat dalam bentuk dan gaya bacaan al-Quran, terhasil satu cabang ilmu yang dikenali sebagai ilmu *Qira'at*.

Kemudian, penganalisan hukum yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah turut menyumbang kepada kewujudan bidang ilmu yang terpenting iaitu usul al-Fiqh. Ilmu tersebut berfungsi sebagai satu kaedah yang diaplikasikan dalam pemahaman hukum yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah (al-Ghazali, t.th).

Selanjutnya, para pengkaji bukan Arab pula menghadapi masalah bahasa dalam memahami al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, ilmu bahasa telah diasaskan kepada bahasa Quraisy yang merupakan bahasa al-Quran. Rujukan dalam menetapkan kaedah bahasa ini ialah syair dan bidalan Arab (Makdisi,1984). Bagi memahami bidang ilmu tersebut, pengembaraan

ke desa-desa Arab terpaksa dilakukan.

Pengembaraan di padang pasir yang luas memerlukan pengetahuan luas tentang geografi, bintang dan ilmu-ilmu berkaitan yang dapat membantu dalam menyusuri perjalanan yang jauh. Oleh itu, ilmu alam dan falak juga dipelopori sebagai instrumen penting kepada keperluan penyelidikan Syariah. Selain itu, kesukaran turut dialami pemahaman bahasa melainkan mempunyai pengetahuan tentang ketamadunan dan kebudayaan Arab (al-Ghazali,1980). Ilmu-ilmu berkenaan pasti menjadi sebahagian daripada silibus penyelidikan Syariah.

Kesimpulannya, segala ilmu yang berteraskan pembangunan dan kemodenan masa kini amat diperlukan bagi membantu Fuqaha mempertingkatkan kefahaman tentang al-Quran dan al-Sunnah. Keperluan ini berada pada tahap yang kritikal bagi menjamin kewibawaan Fuqaha dan kredibiliti penyelidikan Syariah itu sendiri (Osman Bakar,1999).

Dalam jangka masa yang begitu lama, penyelidikan Syariah telah mewariskan kepada generasi masa kini hasil kajian dan penyelidikan Syariah serta ijtihad dalam kuantiti yang banyak dan pelbagai. Warisan ilmu yang terkumpul ini dijadikan rujukan dalam penyelidikan Syariah, ianya berbentuk penulisan agung yang dikenali sebagai kitab-kitab fiqh klasik.

Fuqaha silam mempunyai persepsi atau kefahaman tersendiri tentang hukum atau ketentuan yang terdapat dalam syariah. Jelasnya, kefahaman atau fiqh adalah sesuatu yang sentiasa berkembang mengikut keadaan, kemampuan intelektual dan realiti kehidupan semasa (Mahmood Zuhdi,2000). Antara unsur yang mempengaruhi corak pemikiran fuqaha ialah realiti dan keperluan hidup semasa umat Islam pada zaman mereka. Masyarakat ketika itu tidak berdepan dengan cabaran sengit yang menyentuh aspek pemikiran dan sistem kehidupan yang serba sederhana.

Pengkajian dan penyelidikan Syariah pada masa tersebut tidak perlu di jalan secara mendalam tentang undang-undang, politik, ekonomi, sosial dan sebagainya, tidak seperti yang keperluan masa kini. Pendekatan penyelidikan Syariah masa kini perlu melalui proses reformasi sejajar dengan perkembangan pesat sistem dan pola kehidupan masyarakat, kesan daripada ledakan perkembangan sains dan teknologi atau dikenali sebagai era siber (Abd. Jalil Borham,2000).

Sejak zaman permulaan Islam lagi, fuqaha tidak menghadkan pandangan mereka di bawah tafsiran harfi atau literal. Sebaliknya mereka menghayati nas dalam realiti masyarakat dan mentaliti yang dinamis (Abu Ubaid,1970 dan al-Jassas,1993). Oleh kerana itu,walaupun nas tetap abadi dan tidak berubah, fiqh atau hasil penyelidikan Syariah terus mengalami transformasi sebagai manifestasi keadaan pemikiran dan hidup masyarakat yang mengalami proses revolusi dan reformasi kesan globalisasi sejagat.

Aplikasi penyelidikan Syariah terdapat dua faktor besar yang perlu diambil kira. Pertama, prinsip Syariah yang universal, yang merupakan idealisme yang mempunyai nilai kebenaran yang mutlak dan tidak akan mengalami apa-apa perubahan untuk selama-lamanya. Prinsip ini biasanya bersifat anjal dan fleksibel sehingga dapat memenuhi tuntutan perubahan masyarakat dari masa ke masa. Kedua ialah realiti masyarakat yang akan menjadi wadah kepada pelaksanaan hukum itu sendiri. Realiti ini sentiasa terdedah kepada berbagai perubahan dari tempat ke tempat dan dari masa ke masa.

Di samping itu, kefahaman para penyelidik syariah sendiri tidak bersifat mutlak kebenarannya. Sama seperti masyarakat, ia sentiasa terdedah kepada berbagai-bagai perubahan

bergantung kepada perubahan pengalaman dan nilai intelektual para penyelidik syariah sendiri (Kassim,1992). Malah ia berbeza-beza di antara satu penyelidik syariah dengan penyelidik syariah yang lain mengikut perbezaan keilmuan dan nilai intelektual masing-masing. Kerana sudah menjadi sesuatu yang tabi'i setiap orang berfikir dan memahami sesuatu berasaskan kepada pengalaman masing-masing, sama ada yang diperoleh sendiri atau yang diperoleh melalui orang lain.

Ini bererti, dalam penilaian semula hasil penyelidikan Syariah silam bagi tujuan melakukan penyelidikan Syariah kontemporari ada tiga unsur yang perlu diberi perhatian. Pertamanya unsur tetap yang universal, iaitu idealisme Islam yang terkandung dalam nas-nas al-Quran dan al-Sunnah yang memainkan peranan sebagai paksi kepada penganalisisan hukum berkenaan. Keduanya ialah realiti masyarakat yang memainkan peranan sebagai pemboleh ubah (*al-mutaghayyirat*). Sementara ketiganya pula ialah kefahaman fuqaha terdahulu di dalam mentafsirkan hukum berkenaan. Unsur ini hanyalah merupakan sumber sejarah sahaja kepada proses penilaian semula jika tidak direalisasikan secara sistematik dalam proses penyelidikan syariah bagi menghadapi cabaran globalisasi.

Hukum Islam dianggap rasional dan bersistematik kerana asas pengujahannya adalah rasional dan bersistematik.'Illah atau sebab adalah asas kepada pembentukan qiyas.'Illah adalah satu elemen yang dijadikan Allah s.w.t. sebagai satu sebab sesuatu hukum itu wajib, haram dan sebagainya (Hazizan Mad Desa & Alias Azhar, 2015)

Sebenarnya, tidak ada jalan pintas untuk menjadikan penyelidikan Syariah lebih dinamik dan berfungsi secara universal di dunia zaman kini. Generasi sekarang perlu mempelajari segala warisan yang ada. Meneliti evolusi dan revolusi zaman dan masyarakat sendiri, juga mencari segala kepentingan dan kebaikan daripada sumber asing yang berautoriti. Melalui pendekatan penyelidikan Syariah bentuk inilah prinsip-prinsip syariah yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah akan sehati dengan nilai-nilai intelektual semasa dan realiti masyarakat sehingga berpotensi melahirkan hasil yang berorientasikan tempatan dan mewakili zaman.

## **PENYELIDIKAN SYARIAH DAN GLOBALISASI**

Globalisasi adalah suatu proses menerima pakai sesuatu yang bersifat antarabangsa, baik dari segi budaya, sosial, ekonomi mahupun dari segi politik. Ia juga bermaksud kesejagatan segala perkara, meskipun melalui kekerasan (Osman Bakar,2004).

Definisi lain, ia adalah suatu gerakan yang bebas, aktif dan pantas oleh korporat multinational, baik dalam bidang kewangan, mahupun dalam bidang maklumat. Dari segi ekonomi ia bererti pengurusan modal yang bersifat sejagat di bawah kuasa yang menyeluruh mengatasi isi dunia seluruhnya baik individu, pemikiran, maklumat, kewangan, institusi, perkhidmatan, pengeluaran atau seumpamanya (Osman Bakar,2004). Arus globalisasi ini juga terdapat kemudahan pergerakan orang ramai, maklumat, barangan dan sebagainya, dan pengaliran pemikiran antara pelbagai negara dunia.

Dari perspektif yang lain, ia merupakan gerakan yang tidak dapat dielakkan oleh seseorang. Tiada siapa yang dapat melepaskan diri daripada kesan dan pengaruhnya. Dari segi ekonomi ia merupakan pergerakan modal yang bebas tanpa sekatan atau syarat (Ahmad Hidayat,1997). Globalisasi merupakan suatu reformasi budaya sedunia yang mempengaruhi

segala lapisan masyarakat. Walaupun pada asalnya di arahkan kepada keterbukaan dalam aktiviti ekonomi sedunia, tetapi kini telah mula merangkumi keterbukaan dan perubahan dalam aspek politik, sosial dan pemikiran di negara-negara seluruh dunia (Hashim Musa,2004). Perubahan-perubahan mendadak dalam cara hidup segenap lapisan masyarakat dunia boleh dikatakan berlaku natijah daripada globalisasi ini.

Isu hukum era moden adalah berorientasikan sains & teknologi secara langsung dan juga tidak langsung. Hal ini berkait rapat dengan pandangan Michio Kaku yang telah mengemukakan bahawa wujud tiga bentuk revolusi S&T yang sangat mempengaruhi sistem kehidupan umat manusia di abad ini. Ketiga-tiga revolusi itu dapat dijelaskan seperti berikut (Umar A Janie,2003):

- a. Revolusi Quantum: Segala aplikasi teknologi dan pembangunan industri yang memungkinkan manusia mencipta dan membuat bahan-bahan baru dengan ketahanan dan sifat-sifat yang lebih baik berbanding bahan-bahan sedia ada, daripada jenis plastik sebagai contoh.
- b. Revolusi Komputer: Aplikasinya juga membolehkan manusia memahami bagaimana otak manusia berfungsi. Komputer dengan sistem robotik yang meniru fungsi otak dirancang untuk dicipta.
- c. Revolusi Biomolekul: Merujuk kepada teknologi pemindahan genetik (DNA), pembangunan genetik ataupun pengklonan.

Realitinya, tidak kira sama ada kesan yang timbul akibat daripada perubahan ini bersifat positif atau negatif, kita secara langsung atau tidak langsung terdedah kepada kesan-kesan ini. Hari ini walau di mana kita berada kita tidak dapat mengelakkan diri daripada impak globalisasi yang datang daripada pergerakan bebas manusia, produk, pemikiran dan cara hidup dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Umumnya, globalisasi tentunya merupakan cabaran yang besar terhadap penyelidikan Syariah yang begitu sensitif terhadap perubahan hidup manusia dan persekitarannya tidak kira sama ada ke arah yang lebih baik atau lebih buruk aspek akidah terutamanya (Syaltut,1983). Khususnya, penyelidikan Syariah yang dimaksudkan itu ialah penyelidikan Syariah kontemporari. Al-Qaradhawi (2006) menegaskan, di bawah semangat penyelidikan Syariah seperti ini fuqaha bukan sahaja perlu menjawab persoalan-persoalan yang baru timbul akibat daripada perubahan zaman dan keadaan, tetapi juga menilai dan menganalisis semula keputusan-keputusan penyelidikan Syariah fuqaha terdahulu berasaskan realiti yang baru dan sedang dialami pada hari ini.

Fleksibiliti hukum Islam ini sekurang-kurangnya dapat dilihat pada asas hukum Islam itu sendiri. Ia berasaskan kepada tabiat syariat Islam yang menerima perkembangan dalaman sesuai dengan perkembangan masyarakat manusia melalui (Abd. Karim Zaydan,1981):

- a. Proses pemansuhan (yang berlaku pada peringkat awal perkembangan).
- b. Kelenturan "nas" dan prinsip yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah.
- c. Penghormatan Islam terhadap peranan akal dalam menentukan hukum.
- d. Penghormatan Islam terhadap kebiasaan dan budaya hidup masyarakat.

Apa yang sebenar dihadapi ialah kemampuan fuqaha melakukan penyelidikan Syariah yang diperlukan itu. Malah paradigma masyarakat dalam persoalan keulamaan itu sendiri (Mahmood Zuhdi,2004). Mengenai kemampuan fuqaha, cabaran lebih besar dapat dilihat pada kekerdilan kemampuan untuk memahami persekitaran baru yang merupakan wadah sebenar penyelidikan Syariah yang perlu dilakukan. Kejatuhan pemikiran Islam yang telah berlaku sejak berabad-abad lamanya itu masih lagi ada kesannya yang mendalam dalam bidang keilmuan Islam, termasuk soal jawapan hukum dan penyelidikannya (Amir,2004).

Sehubungan itu, masih terdapat banyak mereka yang berkecimpung dalam penyelidikan hukum Islam, kerana begitu terpesona dengan keagungan fiqh klasik, masih berpendapat bahawa penyelidikan Syariah tidak perlu diadakan sekarang. Bagi mereka ini apa sahaja persoalan yang dihadapi sekarang jawapannya ada tersedia dalam kitab-kitab fiqh klasik yang merupakan warisan agung keilmuan Islam yang tidak ada tolak bandingnya itu (Wael Hallaq,1997). Ini bererti sejauh yang perlu dilakukan hanyalah merujuk kepada kitab-kitab fiqh yang ada bagi memperoleh hukum berkenaan, sama ada yang berasaskan kepada nas atau qiyas atau takhrij.

Hasil daripada sikap atau pendekatan ini kita dapati jawapan-jawapan hukum yang diberikan oleh fuqaha kita tidak mampu menjawab persoalan sebenar masyarakat. Sebaliknya apa yang dilakukan ialah menegaskan kembali apa yang telah ditegaskan oleh fuqaha terdahulu tanpa mengambil kira kelainan realiti hidup yang menjadi latar belakang kepada jawapan hukum berkenaan antara dua zaman yang berbeza itu (Mahmood Zuhdi,1997). Hasilnya hukum Islam telah dilihat oleh sesetengah pihak sebagai hukum zaman lampau yang tidak lagi sesuai direalisasikan zaman kini.

Malah terdapat percubaan untuk melakukan penganalisisan semula secara pragmatik terhadap pandangan fuqaha klasik bagi menjawab persoalan hukum semasa ini. Bagaimanapun penyelesaian secara kosmetik ini mungkin lebih berbahaya daripada penyelesaian atau sikap konservatif seperti di atas. Kerana walaupun secara lahirnya boleh dilihat sebagai penyelesaian yang tepat tetapi hakikatnya sekadar penyelesaian segera yang tidak berasaskan kepada teori ilmiah yang stabil. Pengadaptasian pandangan ulama dalam kitab-kitab fiqh klasik ini akhirnya tidak akan mampu menanggung beban perkembangan budaya, politik, sosio ekonomi dan pemikiran masyarakat kesan langsung dan tidak langsung globalisasi. Sesetengah orang akan menjadikan bebanan itu sebagai asas keyakinan bahawa penyelidikan Syariah sudah benar-benar mundur, bukan sahaja pada pendekatannya, tetapi juga pada teorinya untuk menjawab persoalan semasa (al-Qaradhawi,1997).

Sebaliknya, sepertimana ditegaskan oleh al-Qaradhawi (1994) dan fuqaha sezaman yang sealiran dengan beliau, bahawa penyelidikan Syariah yang perlu dilakukan pada hari ini sepatutnya lebih bersifat asasi dalam kaedah dan pendekatannya. Ia perlu berasaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta penilaian semula secara sepenuhnya realiti baru yang ada. Sementara huraian fuqaha terdahulu dijadikan sebagai sumber rujukan duluan bersifat teori umum dalam penyelidikan Syariah. Terdapat dua contoh bidang yang memerlukan asas seperti ini iaitu bidang ekonomi dan kewangan (Imran Ahsan,2006) dan bidang sains dan teknologi (Ahmad,1997).

Walau bagaimanapun, cabaran yang dihadapi bukan bersifat substantif. Sepertimana yang telah disebut di atas, hukum Islam sama ada yang berasaskan kepada nas-nas al-Quran dan al-Sunnah secara jelas atau yang bersifat hukum-hukum berasaskan penyelidikan Syariah

secara prinsipnya bersifat global. Sebab utamanya ialah kerana Islam itu sendiri bersifat universal dan tidak terikat dengan apa-apa budaya tempatan kecuali sekadar bagi tujuan pelaksanaan dalam daerah tempatan itu sendiri (Abdul Karim,2000). Dengan kata lain, hukum Islam itu sendiri begitu fleksibel sehingga memungkinkan penyelidikan Syariah menentukannya dapat dilakukan dengan cukup selesa dalam pelbagai keadaan kehidupan, termasuk di bawah pengaruh globalisasi sekarang.

Kepentingan penyelidikan Syariah kontemporari merupakan suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan lagi, terutama sekali dalam menghadapi arus globalisasi sekarang ini. Bagaimanapun cabaran intelektual dan sikap masyarakat perlu dilihat sebagai halangan-halangan intelektualisme yang boleh menggagalkan usaha-usaha murni ini (al-Qaradhawi,2004). Cabaran terbesar dalam memenuhi keperluan penyelidikan Syariah seperti ini ialah memahami secara mendalam realiti sebenar yang ada bagi dijadikan asas yang kukuh kepada penentuan hukum berkenaan. Bagi mengatasi kekurangan ilmu yang bersifat integrasi, fuqaha zaman sekarang dicadangkan menjalankan penyelidikan Syariah berbentuk kolektif atau jama'i yang menghimpunkan pelbagai kepakaran semasa. Sepertimana dimaklumi ledakan ilmu pengetahuan di dunia zaman moden ini tidak lagi memungkinkan penguasaan ilmu yang sangat luas pada seseorang seperti di zaman keagungan pemikiran Islam yang lampau (Busthami,1995). Akibat daripada disiplin keilmuan yang meluas, para ilmuwan terpaksa memberikan pengkhususan yang mendalam dan akhirnya menyebabkan skop keilmuan mereka secara individu menjadi sempit.

Satu persoalan lain ialah persepsi masyarakat terhadap institusi keulamaan itu sendiri. Takrif ulama yang diberikan oleh masyarakat sekarang tidak mengarah kepada kemampuan melakukan penyelidikan Syariah tetapi sebaliknya ke arah nilai-nilai keagungan, seperti penghayatan terhadap tradisi keulamaan itu sendiri atau sebagainya (Malik Bennabi,2005). Realitinya, penyelidikan Syariah mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan tahap keserjanaan seseorang dalam keilmuan berkaitan. Justeru, ditegaskan bahawa yang dimaksudkan dengan penyelidikan Syariah itu ialah penyelidikan hukum Islam berkaitan dengan seluruh keperluan amali masyarakat sama ada bidang politik, sosial, budaya, ekonomi atau pemikiran. Fuqaha berperanan melakukan penyelidikan hukum berteraskan kaedah dan pendekatan semasa di samping rujukan sumber-sumber hukum sedia ada dalam perbendaharaan fiqh silam.

Di samping itu bentuk-bentuk pembaharuan hukum secara kosmetik perlu dielakkan kerana ia boleh memberi imej buruk kepada kekuatan penyelidikan Syariah bagi tempoh jangka panjang (Badlihisam,2003). Oleh itu semua pihak yang memerlukan kepada pandangan tentang hukum harus bijak mencari jawapan daripada sumber yang wajar. Krisis hukum atau fatwa akan berlaku sekiranya para penyelidik Syariah mengabaikan beberapa keperluan asas dalam menjalankan penyelidikan hokum semasa seperti (al-Qaradhawi,2005); jahil atau lalai terhadap nas-nas dalil, salah pentafsiran, tidak memahami realiti, menurut hawa nafsu, mengikut fenomena yang menyeleweng, taqlid kepada pemikiran Barat dan statik pada fatwa-fatwa silam tanpa pertimbangan keadaan atau zaman yang berubah.

Satu perkara yang perlu difahami secara jelas ialah bahawa yang dimaksudkan dengan isi kandungan Syariah Islamiah yang menjadi subjek dalam silibus Syariah bukan bersifat taklifi semata-mata, iaitu menghuraikan tentang apa, malah ianya juga bersifat wad'i, iaitu yang menghuraikan tentang persoalan bagaimana. Sehubungan itu, al-Khudari (1992)



membahagikan hukum atau ketentuan Syariah kepada hukum taklifi dan hukum wad'i. Hukum taklifi meliputi lima bahagian iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus. Hukum wad'i pula melibatkan tiga aspek iaitu sebab, syarat dan halangan.

Realitinya, objektif penyelidikan Syariah bukan sekadar untuk menentukan halal dan haram ke atas gerak laku dan subjek-subjek yang berkaitan kehidupan mukallaf, tetapi juga bermatlamat untuk membangunkan dan memajukan hadharah atau ketamadunan masyarakat manusia ke arah yang lebih baik di dunia dan di akhirat (Noor Naemah,1994).

Usaha menentukan nilai dan mencari jalan penyelesaian bagi manusia penyelidikan Syariah terikat dengan prinsip kebenaran dan keadilan. Dalam masa yang sama, perlu disedari bahawa masyarakat manusia kini berhadapan dengan pelbagai permasalahan baru, kesan daripada perubahan corak kehidupan dan perkembangan sains dan teknologi yang begitu pesat sekaligus lahir satu era yang dikenali era Siber (Syed Muhammad Dawilah al-Edrus,2009). Kesenambungan daripada itu, penyelidikan Syariah tidak boleh bersifat statik, sebaliknya perlu progresif dan proaktif dalam mencari pelbagai asas bagi merealisasikan prinsip kebenaran dan keadilan, sesuai dengan realiti kehidupan masa kini.

Era globalisasi dan evolusi digitalisasi turut memberi impak kepada sistem penyelidikan Syariah. Penyelidikan Syariah tidak hanya tertumpu kepada permasalahan hukum yang sudah jelas terkandung di dalam al- Quran dan al- Sunnah serta pandangan fuqaha- fuqaha silam, tetapi turut responsif terhadap revolusi S&T. Secara umumnya, sains itu sendiri berkembang dan berevolusi secara kondusif berasaskan faktor persekitaran yang ada. Eropah telah keluar daripada zaman kegelapan dan beralih kepada zaman kebangkitan melalui penemuan-penemuan saintifik dan penghasilan-penghasilan teknologi baru untuk kemudahan manusia sejagat. Secara kasarnya, agama dan sains dianggap selaras dan seiring dalam optik Syariah Islamiah yang luhur (Mohd Hazim,2004). Walaupun kemajuan sains dan teknologi amat drastik dan kompleks namun masih kekal dalam bentuk keserasian dan kerelevanan dengan wahyu.

Awalan daripada penghujahan konkrit di atas, penulis sendiri melihat bahawa keperluan kepada penelitian hadis beroptikkan saintifik dapat menzahirkan tentang martabat dan kelebihan hadis Rasulullah s.a.w. Sebagai contoh mikro dalam hadis berkenaan lalat yang terjatuh dalam minuman (Mustafa al-Khin, 2005). Di sana terbukti bahawa analisa dan takhrij hadis (Mohd Razdi,1997) tersebut jika tidak lihat menggunakan optik saintifik pasti menjadi bahan polemik golongan orientalis. Kajian dan huraian saintis Muslim telah meredakan polemik yang telah menyatakan bahawa hadis tersebut telah membuka ufuk pemikiran pakar perubatan tentang wujudnya penyakit bawaan vektor dan tidak disangsikan bahawa lalat juga terbukti boleh dijadikan bahan untuk tujuan pengubatan (al-Qaradhawi,1995), sekali gus menghilangkan kesangsian terhadap kredibiliti dan otoriti hadis tersebut.

Sehubungan itu juga, apabila berlaku permasalahan hukum yang melibatkan perkembangan S&T atau ICT, semacam wujud saranan yang berat sebelah apabila hanya meminta khidmat fuqaha agar bergabung atau merujuk kepada pakar-pakar dalam disiplin yang berkenaan bagi mencari jawapan hukum (Zulkiple Abd Ghani,2001). Selain itu juga, segala bentuk implikasi daripada implementasi S&T dan ICT dianggap sebagai cabaran bagi fuqaha dan mereka dianjurkan untuk membina alternatif yang terbaik bagi menghadapi cabaran-cabaran tersebut (Abd. Jalil Borham,2000).

Tradisi unik dan unggul terdahulu bercirikan pemikiran sintesis yang menggabungkan di antara ilmu usul fiqh dengan keilmuan sains yang melengkapkan lagi kaedah penyelidikan

hukum Islam. Pendekatan ini telah dipraktikkan dan diiktiraf oleh semua mazhab fiqh, walaupun mungkin ianya tidak dinyatakan secara khusus. Penulis melihat kaedah al-Istihalah iaitu melibatkan perubahan sifat jirim sesuatu bahan kepada satu jenis bahan yang lain secara sepenuhnya seperti najis berubah menjadi tanah akibat terdedah kepada cuaca. Manakala al-Istihlak pula bererti percampuran jirim sesuatu bahan dengan jirim bahan lain seperti cecair sehingga terurai dan identiti asalnya hilang. Sebagai contoh setitik air najis yang menitis ke dalam bekas air mutlak lalu terurai dan meninggalkan kesan. Perbincangan tentang status najis (Wahbah al-Zuhayli,1985) yang berubah sifat dan jirim adalah merupakan analisa hukum berteraskan pemikiran saintifik. Kedua-dua kaedah di atas turut diaplikasikan dalam perbincangan halal dan haram makanan (Abu 'Abdillah,1996) seperti haiwan ternakan berstatus al-Jalalah yang merujuk kepada haiwan yang asalnya halal dimakan tetapi hukumnya berubah menjadi makruh disebabkan tabiat pemakanannya yang tidak bersih. Begitu juga dalam penggunaan baja daripada najis yang berubah menjadi nutrien diserap oleh tumbuhan untuk menghasilkan buah yang manis (al-Nawawi,t.th).

Seseorang penyelidik Syariah yang ingin mencapai taraf sebagai seseorang mujtahid yang amat diperlukan di dalam masyarakat, dikehendaki mengetahui semua perkara yang bersifat semasa termasuklah pengetahuan tentang persoalan kemasyarakatan tentang apa yang berlaku di dalam masyarakat (al-Qaradhawi,1992). Syarat ini ditetapkan bertujuan untuk memastikan sesuatu keputusan hukum dan formula penyelesaian masalah ummah yang dirumuskan oleh fuqaha itu bersesuaian dengan keadaan dan mentaliti persekitaran sesuatu masyarakat.

Konsep dan disiplin ini dimanifestasikan di dalam fatwa-fatwa yang terhasil daripada kaedah ijtihad. Ijtihad juga disebut sebagai al-ra'y (pendapat yang sesuai), dengan berpaksikan al-Quran dan al-Sunnah kemudian disesuaikan dengan realiti semasa, dalam pada itu menentukan agar pemerintah mempraktikkannya (Abdullah Alwi,1991).

Realitinya, Islam bergerak seiring dan intim dengan perkembangan sains dan teknologi hingga kini, namun ianya hanya retorik dan nostalgia semata-mata yang hanya mampu dikenangkan dan dibanggakan oleh umat Islam terhadap sumbangan para saintis Muslim terdahulu (M.Ali Kettani,1991). Kita tidak hanya mewarisi tradisi keilmuan Islam yang terhad kepada bidang teologi, hukum fiqh, perundangan dan akhlak, namun bidang sains dan teknologi moden juga perlu dijadikan silibus penting dalam usaha pemantapan penyelidikan syariah era globalisasi.

## **PENUTUP**

Kesimpulannya, penyelidikan Syariah mengandungi tiga unsur fundamental yang secara serentak saling memperkuat antara satu sama lain. Ketiga-tiga unsur tersebut ialah idealisme Islam yang mutlak dan universal, realiti masyarakat yang sentiasa berubah dan berbeza-beza, dan seterusnya kefahaman dan pemikiran fuqaha yang juga sentiasa berubah dan berbeza-beza. Dengan kata lain, ia dapat dilihat pada prinsip yang tetap dan pendekatan yang berubah-ubah mengikut perubahan dan kelainan yang ada.

Bagi mengatasi persepsi negatif masyarakat terhadap wibawa dan kredibiliti institusi penyelidikan syariah dalam menghadapi cabaran globalisasi, para penyelidik syariah perlu menerima hakikat bahawa tanggungjawab penyelidikan hukum perlu dilakukan mengambil kira

realiti cabaran semasa. Tradisi penyelidikan perlu diperkukuhkan di kalangan mereka dan pendekatan penyelidikan Syariah perlu diubahsuai agar seiring dengan kemajuan dan keperluan masa kini. Segalanya serba pantas dan perkembangan kehidupan lebih rumit bukan aspek perubahan fizikal atau material semata-mata, bahkan perubahan intelektual dan spiritual turut terkesan. Penyelidik Syariah perlu sentiasa bersedia aspek infrastruktur dan intelektual bagi menzahirkan keunggulan instrumen dan mekanisme penyelidikan Syariah.

## RUJUKAN

- “Abd. al-Karim Zaydan.(1996). Al-Madkhal Li Dirasah al-Syariah al-Islamiah. Iskandariah: Dar ‘Umar Ibn al-Khattab.
- Abbas Mahmoud Al-Akkad .(t.t). The Arab’s Impact On European Civilisation. Ed. Ke-2. Riyadh: S.O Press.
- Abd. Jalil Borham. (2000).Fiqh Malaysia Dan Cabaran Era Siber. Dlm. Paizah Ismail & Ridzwan Ahmad (pngr.). Fiqh Malaysia. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Karim Ali. (2000). Faktor-faktor Semasa dan Setempat di Malaysia yang Boleh Mempengaruhi Penafsiran Nas Syarak Dalam Menentukan Hukum. Dlm. Paizah Ismail & Ridzwan Ahmad (pngr.). Fiqh Malaysia. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Karim Zaydan.(1981). Al-Madkhal Li al-Dirasah al-Syariah al-Islamiah. Baghdad: Maktabah al-Quds.
- Abdullah Alwi Hassan. (1991). Al-Shafii: Sejarah Hidup Dan Metodologi Mazhab Fiqhnya. Dlm. ISLAMIKA IV. Kuala Lumpur: Bahagian Hal-Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Abu ‘Abdallah Muhammad b. Idris al-Shafi’i. (1996). Mawsu’ah al-Imam al-Shaf’i: Kitab al-Umm. Jil. 3. Beirut: Dar Qutaibah.
- Abu Ubaid. (1970). Al-Amwal. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Ahmad Hidayat Buang. (1997). Muamalat Di Malaysia: Suatu Tajdid atau Reaksi Pasaran. Dlm. Mahmood Zuhdi Ab. Majid (pngr.). Dinamisme Penyelidikan Syariah. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Ahmad Muhammad. (1997). Al-Quran dan Sunnah Serta Penemuan Moden. Kuala Lumpur: Darul Nu’man.
- al-Ghazali. (1980). Al-Mankhul Min Ta ‘iliqat Al-Usul. Muhammad Hasan Hitu (pnyt.). Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Ghazali. (t.t). Al-Mustasfa Min ‘Ilmi Al-Usul. Jil. 1. Cetakan semula. Baghdad: Maktabah al-Muthanna.
- al-Jarjani. (1992). Kitab al-Ta’rifat. Ed. ke-2. Beirut: Dar al-kitab al-Arabi.
- al-Jassas. (1993). Al-Ahkam Al-Quran. Jil. 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Khudari.(1992). Usul al-Fiqh. Ed. ke-4. Kaherah: Maktabah al-Sa ‘adah.
- al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya b. Syaraf al-Nawawi. (t.t). Al-Majmu’ Syarh al-Muhadhdhab. Juz. 9. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1994). Al-Ijtihad al-Mu’asir Bayn al-Indibat Wa al-Infirat. Al-Qaherah: Dar al-Tawzi’ Wa al-Nasyr al-Islamiyyah.

- al-Qaradawi, Yusuf. (1997). *Al-Ijtihad Fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Al-Qaherah, Maktabah Wahbah.
- al-Qaradhawi, Yusuf. (1988). *Hadyul Islam Fatawi Mu'asirah*. (Terj.) As'ad Yasin. Jakarta: Gema Insani Press.
- al-Qaradhawi, Yusuf. (2004). *Sanggahan Salah Tafsiran Islam*. Selangor: Synergymate Sdn. Bhd.
- al-Qaradhawi, Yusuf. (1996). *Bagaimana Berinteraksi Dengan Al-Sunnah*. (Terj.) Huda Mohsin & Jawiah Dakir. Selangor: ABIM.
- al-Qaradhawi, Yusuf. (2005). *Krisis Fatwa: Dilema Antara Prinsip Dan Penyimpangan*. (Terj.) Mohd Azman Sastro. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- al-Qaradhawi, Yusuf. (2006). *Fiqh Keutamaan: Suatu Kajian Baru dari Perspektif al-Quran dan al-Sunnah*. (Terj.) Ahmad Nuryadi Asmawi. Selangor: Masterpiece Publications Sdn. Bhd.
- al-Qaradhawi, Yusuf. (1997). *Fatwa antara ketelitian dan kecerobohan*. (Terj.) As'ad Yasin. Jakarta: Gema Insani.
- Amir Mualim. (2004). *Penyelidikan Syariah Dan Legislasi Muslim Kontemporer*. Yogyakarta: UII Press.
- Badlihisam Mohd Nasir. (2003). *Da'wah and The Malaysian Islamic Movements*. Selangor: Synergymate Sdn. Bhd.
- Busthami Muhammad Said. (1995). *Gerakan Pembaharuan Agama: Antara Modernism Dan Tajdiduddin*. Jakarta: Wala Press.
- Fauzi Deraman. (2000). *Metodologi Muhaddithin: Satu Sorotan*. *Jurnal Usuluddin*, Bil.12. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan Syariah Usuluddin, Akademi Pengajian Syariah Islam, Universiti Malaya.
- Firuzabadi, Muhammad Ibn Yaakub. (2003). *Qamus al-Muhit*. Beirut: Dar al-Ihya' Thurath al-'Arabi.
- Hashim Musa. (2004). *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Hazizan Mat Desa & Alias Azhar. (2015). *Al-Qiyas Dan Kesannya Terhadap Hukum Islam*. *Journal Of Global Business And Social Entrepreneurship (GBSE)*, Vol. 1: No. 2: 135-144.
- Imran Ahsan Khan Nyazee. (2006). *Islamic Law of Business Organization: Partnerships*. Kuala Lumpur: The Other Press Sdn. Bhd.
- Jurji Zaydan. (1967). *Tarikh al-Tamaddun al-Islami*. Jil. 3. Beirut: Dar Al-Maktabat al-Hayat.
- Kassim Salleh. (1992). *Penyelidikan Syariah: Sejarah Dan Perkembangannya*. Kuala Lumpur: BAHEIS, JPM.
- M. Ali Kettani. (1991). *Sains Dan Teknologi Islam*. Dlm. Ziauddin Sardar (pngr.) *Sentuhan Midas*. (Terj.) Rosnani Hashim & Abdul Karim Abdul Ghani. Kuala Lumpur: DBP.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid. (1997). *Hukum Islam Semasa Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran*. Dlm. *Teks Syarahan Perdana pada 16hb. Ogos*.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid. (2004). *Ulama Penggugat Zaman*. Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2000). *Fiqh Malaysia: Konsep Dan Cabaran*. Dlm. Paizah Ismail & Ridzwan Ahmad (pngr.). *Fiqh Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

- Makdisi. (1984). *The Juridical Theology Of Shafii, Origins And Significance*. Studia Islamica, Bil. 59.
- Malik Bennabi. (2005), *Krisis Intelektual Muslim*. (Terj.) Zulkarnain Mohamed & Farid Mat Zain. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Md. Saleh Ahmad. (2000). 'Urf Dan Adat Semasa Di Malaysia Sebagai Asas Penentuan Hukum Yang Tidak Dinaskan. Dlm. Paizah Ismail & Ridzwan Ahmad (pngr.). *Fiqh Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Hazim Shah. (2004). *A Tale of Two Scenarios In Development Of Science And Technology In Malaysia*. Dlm. Mohd Hazim Shah & Phua Kai Lit (pnyt.). *Public Policy, Culture and The Impact Of Globalisation In Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Mohd Razdi Othman. (1997). *Konsep Takhrij Hadith*. Jurnal Penyelidikan Islam, bil. 10, Putrajaya, JAKIM.
- Mohd Sheffie Abu Bakar. (1995). *Metodologi Penyelidikan*. Ed. ke-2. Bangi: Penerbit UKM.
- Mustafa al-Khin. (2005). *Al-Fiqh Al-Minhaji 'Ala Mazhabi Shafi'i*. Jil.1. Siri terjemahan Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Noor Naemah Abd Rahman. (1994). *Darurah dan Kesannya Pada Mengharuskan Perkara Yang Haram*. Jurnal Syariah, 2,1, Kuala Lumpur, APIUM.
- Osman Bakar. (2004). *Globalisasi dan Tamadun Islam: Satu Wacana Awal*. Dlm. Mohamed Anwar
- Omar Din. *Dinamika Bangsa Melayu: Menongkah Arus Globalisasi*. Bangi: UKM.
- Osman Bakar. (1999). *Pembentukan Masyarakat Maju Dan Cabarannya Terhadap Pembaharuan Hukum Islam Di Malaysia*. Dlm. Abdul Karim Ali, & Raihanah Azahari (pnyt.). *Hukum Islam*
- Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Syaltut, Mahmood. (1983). *Al-Islam Akidah wa Syariah*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Syed Muhammad Dawilah al-Edrus. (2009). *Peranan ICT Dalam Penyebaran Dakwah Dalam Era Globalisasi*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Dakwah Islamiah Di IPT Dan Komuniti, 2-3 Disember 2009, Dewan Tunku Ibrahim Ismail, Johor Baru, UTHM.
- Umar A Janie. (2003). *Ilmu Pengetahuan Dan Teknologi Dalam Perspektif Pemikiran Islam*. Dlm. Jarot Wahyudi (pngr.) *Menyatukan Kembali Ilmu-ilmu Agama Dan Umum*. Yogyakarta: Sunan Kalijaga Press.
- Wael Hallaq. (1997). *A History of Islamic Legal Theory: An Introduction to Sunni Usul al-Fiqh*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Wahbah al-Zuhaili. (1985). *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*. Juz. 1, Cet. ke-2. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Zulkiple Abd. Ghani. (2001). *Islam, Komunikasi Dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.